

**Diskaun 50 Peratus Yuran Pendaftaran Hibah Amanah Dan Pengisytiharan Amanah
Bernama
30 Mac, 2014**

KOTA BHARU, 30 Mac (Bernama) -- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) menawarkan diskaun yuran pendaftaran sebanyak 50 peratus kepada pelabur yang melanggan kontrak Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah mulai 1 hingga 30 April ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman berkata melalui diskaun itu, pelabur hanya perlu membayar RM90 berbanding RM180 sebelumnya bagi satu kontrak Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah, yang boleh merangkumi lebih daripada satu tabung unit amanah ASNB.

"Potongan harga ini hanya dapat dinikmati sekiranya pelabur membuat permohonan di pejabat cawangan ASNB di seluruh negara, selain permohonan yang dihantar mestilah lengkap dan dihantar dalam tempoh promosi yang telah dinyatakan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Perkhidmatan Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah Peringkat Negeri Kelantan di sini, Ahad.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Hamad Kama Piah berkata tawaran diskaun oleh ASNB itu bersempena dengan penganjuran Minggu Saham Amanah Malaysia yang akan diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan di Tunjong di sini, mulai 20 hingga 27 April ini, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata Perkhidmatan Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah akan dapat dimanfaatkan oleh lebih 11.8 juta pemegang unit yang melanggan sembilan tabung unit amanah kendalian ASNB.

Hibah Amanah dikhususkan kepada pemegang unit beragama Islam manakala Pengisytiharan Amanah untuk bukan Islam.

Kedua-dua perkhidmatan tersebut yang dilancarkan peringkat nasional oleh Najib pada 17 Mac 2013, membantu pelabur unit ASNB merancang harta membabitkan unit amanah agar dapat diagihkan kepada waris dengan lebih mudah dan pantas berbanding proses tuntutan harta pusaka biasa, selepas pemegang unit meninggal dunia.

Sementara itu, semasa bercakap kepada pemberita, Mustapa berkata kejayaan ASNB menguruskan unit-unit amanah berjumlah 184.86 bilion yang dimiliki oleh 11.81 juta pemegang sehingga Februari lepas, adalah antara 'ciptaan' terpenting kerajaan Barisan Nasional untuk rakyat.

Beliau menggalakkan rakyat terutama di Kelantan merebut peluang untuk melabur dalam saham amanah yang dikendalikan oleh ASNB untuk menambah pendapatan mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026146>